

Headline **Syahdu Ramadan di Rumah Pengasih**
Date **07 Aug 2011**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **19**
Article Size **343 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **9,027**
PRValue **27,081**



Syahdu Ramadan di Rumah Pengasih

Bekas penagih pulihkan akidah sempena bulan puasa

Oleh **Rohaniza Idris**
dan **Diyanah Anuar**
edisimingguan@bharian.com.my

KUALA LUMPUR: Suasana Ramadan di Rumah Pengasih Malaysia tidak banyak bezanya dengan suasana di luar. Cuma, bagi kebanyakan penghuni Rumah Pengasih, mereka mengharapkan berkat ibadat Ramadan yang dilaksanakan dapat memberi kekuatan untuk menjadi individu yang lebih cemerlang berbanding dulu.

Baru-baru ini, *Berita Minggu* sempat singgah ke Rumah Pengasih di Bukit Tunku dan menemubual beberapa penghuni mengenai Ramadan yang dijalani mereka di pusat sokongan untuk masalah sosial dan dadah itu.

Seorang daripadanya, Mohd Audi Azli Mat Tahar, 32, berkata 13 tahun lalu hidupnya seperti 'mayat hidup', keluar masuk pusat pemulihan tetapi masih tidak berubah sehingga disahkan HIV positif dan kegiatan menghisap dadah semakin teruk.

"Sehingga satu masa kesedaran itu datang apabila ibu bertanya kepada saya, Audi tak sayang mak ke,

takkan nak mati dengan dadah, tak mahu masuk syurgakah?" kata bekas penagih dadah yang kini bertugas sebagai penyelia di Rumah Pengasih di Sungai Buloh.

Katanya, nasihat ibunya itu berlegar di fikiran berhari-hari sebelum mengambil keputusan berubah.

"Keputusan itu saya nyatakan pada ibu yang begitu gembira mendengarnya. Ibu kemudian menghantarkan saya ke sini (Pengasih, Bukit Tunku). Alhamdulillah, kini sudah lima tahun menjadi penghuni Pengasih dan menjadi tenaga pengajar bekas penagih," katanya.

Seorang lagi penghuni Pengasih, Wan Hazim Wan Ramli, 16, yang berasal dari Pengkalan Kubor, Kelantan berkata dia berhari raya dengan keluarga Syawal ini kerana sudah insaf selepas dapat bimbingan di Pengasih.

"Saya tidak terhabit dengan dadah tetapi ada masalah kelakuan yang menyebabkan bapa menghantar saya ke sini. Sudah tiga bulan saya di sini. Pada mulanya saya sedih tetapi selepas tiga bulan, saya sangat gembira.

"Lagipun ramai rakan lebih 'senior' memberi tunjuk ajar. Paling menarik terbuka puasa di sini me-

riah, kadang kala saya dibawa berbuka di restoran atau hotel atas jemputan.

"Di sini juga, saya belajar solat Tarawih dan tahun ini berazam menghabiskan puasa sebulan. Sebelum ini, saya selalu ponteng puasa," katanya yang mahu meneruskan persekolahan untuk mengambil peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM) tahun depan.

Bagi Zubir Zakaria, 44, sejak berusia 18 tahun lagi tidak pernah sehari pun dia berpuasa gara-gara penyalahgunaan dadah.

"Tahun ini saya baru cuba berpuasa. Alhamdulillah, setakat seminggu ini, saya berjaya berpuasa sehingga waktu berbuka," katanya yang berasal dari Machang, Kelantan dan menghidap HIV positif.

Oleh kerana terlalu lama tidak pernah melaksanakan Rukun Islam ketiga itu, tidak mudah bagi Zubir mengharungi cabaran berpuasa, tapi beliau bernasib baik kerana aktiviti yang dilakukan di Rumah Pengasih tidak begitu berat dan beliau mempunyai masa berehat.

"Selepas melakukan aktiviti pada sebelah pagi, biasanya saya boleh berehat di bilik dan bangun jam 6 menanti terbuka," katanya.


Headline **Syahdu Ramadan di Rumah Pengasih**
Date **07 Aug 2011**
MediaTitle **Berita Minggu**
Section **Nasional**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **297,950 / 2,476,000**

Language **Malay**
Page No **19**
Article Size **343 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **9,027**
PRValue **27,081**




Oleh kerana terlalu lama tidak melaksanakan Rukun Islam ketiga, tidak mudah saya mengharungi cabaran berpuasa, tapi saya bernasib baik kerana aktiviti di Rumah Pengasih tidak begitu berat dan saya mempunyai masa berehat 
Zubir Zakaria
Bekas penagih




13 tahun lalu hidup saya seperti 'mayat hidup', keluar masuk pusat pemulihan tetapi masih tidak berubah sehingga disahkan HIV positif dan kegiatan menghisap dadah semakin teruk 
Mohd Audi Azli Mat Tahar
Tenaga Pengajar Rumah Pengasih Malaysia